

24 APR 2002

Umno-Palestin

10,000 DIJANGKA HADIR PERHIMPUNAN SELAMATKAN PALESTIN

KUALA TERENGGANU, 24 April (Bernama) -- Seramai 10,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat di Terengganu dijangka menghadiri program "Selamatkan Palestin" di padang Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II di sini, Sabtu ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu Datuk Idris Jusoh berkata Duta Palestin Ahmad Al-Farra dijangka hadir menyampaikan ucapan pada program itu.

"Sekarang kita sedang melancarkan kempen pungutan derma melalui Tabung Selamatkan Palestin di negeri ini dan akan diserahkan kepada duta Palestin pada perhimpunan itu nanti," katanya pada sidang media sini hari ini.

Katanya orang ramai boleh menghulurkan derma itu melalui kaunter yang dibuka di 40 lokasi di seluruh negeri bagi meringankan bebanan rakyat Palestin yang kini ditindas oleh rejim zionis Israel.

Beliau berharap seluruh rakyat Terengganu tanpa mengira fahaman politik hadir beramai-ramai bagi menjayakan program itu.

Sempena program itu, beliau berkata Badan Perhubungan Umno Terengganu turut melancarkan kempen memungut tandatangan sokongan terhadap usaha Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu Palestin.

Idris berkata sebanyak 50,000 tandatangan dijangka dapat dipungut daripada orang ramai di negeri ini.

Tandatangan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir ketika lawatan beliau ke Terengganu yang dijadual pada awal Mei, katanya.

-- BERNAMA

AYB SN RHM